

Maklumat Komoditi : Pegaga

Sistem Penanaman

PENYEDIAAN BAHAN TANAMAN

Walaupun pegaga mempunyai biji, bahan tanaman biasanya disediakan dengan menggunakan batang-batang tua yang mempunyai akar, tangkai dan daun. Bagi pegaga jenis Nyonya, ia disediakan dengan memecahkan perdu tanaman yang mengandungi 8-10 anak pokok. Ia boleh terus ditanam di ladang tanpa memerlukan batas semaian.

PENANAMAN DI LADANG

Sebelum penanaman, batas-batas tanaman disediakan sama ada seera manual atau menggunakan bajak putar (rotoridger). Lebar batas iaitu 1.5 m di bahagian bawah manakala lebar permukaan atas batas di antara 1.0 - 1.2 m. Panjang batas adalah mengikut keperluan dan keluasan ladang. Jarak tanaman yang sesuai ialah 20 cm di antara baris dan 20 cm di antara pokok dalam baris. Jarak tanaman ini akan memberikan kepadatan pokok lebih kurang 125,000 sehektar (kepadatan ini setelah diambil kira kawasan yang tidak bertanam seperti jalan, (orang dan parit). Penanaman sebaiknya dilakukan pada musim hujan.